

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
24 MEI 2024**

PERKARA : 5(B)70

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL
YB CHEE YEEH KEEN**

70. Apakah statistik terkini Orang Diparol (ODP) dan Orang Bebas Berlesen (OBB) bagi Penjara Pulau Pinang yang boleh diperkenalkan semula dalam komuniti untuk menyumbang tenaga dalam sektor pekerjaan supaya tidak terlalu bergantung kepada tenaga warga asing?

**YB LIM SIEW KHIM
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

70. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara Negeri Pulau Pinang, sehingga 13 Mei 2024, jumlah banduan dalam fasiliti dan dalam komuniti adalah sebanyak 4,148 orang banduan di mana seramai 3,878 orang dalam fasiliti dan 286 dalam komuniti.

Seramai 2,130 orang banduan dalam Penjara Seberang Perai, 1,353 orang dalam Penjara Reman Pulau Pinang dan 395 orang dalam Penjara Satelit Bukit Mertajam. Manakala, 115 orang diparol (OPD), 153 orang bebas berlesen (OBB), dua (2) orang perintah kehadiran wajib (PKW) dan 16 orang diselia (ODS).